

Integrasi AI dalam perniagaan secara beretika, ikut syariah



Oleh Mejar Dr Mohd Adib Abd Muin
bhrencana@bh.com.my

Perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (AI) membawa perubahan signifikan dalam pelbagai sektor perniagaan di seluruh dunia.

AI menjadi satu elemen penting dalam mempertingkatkan kecekapan, inovasi dan produktiviti dalam perniagaan.

Bagi usahawan dan peniaga Muslim, persediaan untuk mengintegrasikan teknologi AI amat penting bagi memastikan kelangsungan dan daya saing dalam perniagaan masa hadapan.

Teknologi AI mempunyai peranan penting mengubah landskap perniagaan dengan memperkenalkan automasi, analisis data tepat dan inovasi produk serta perkhidmatan.

Antara kepentingan AI dalam perniagaan ialah meningkatkan kecekapan operasi, peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan, pengambilan keputusan berdasarkan data dan daya saing lebih tinggi.

Perniagaan yang mengintegrasikan AI akan lebih berdaya saing di pasaran global kerana ia mampu menawarkan produk dan perkhidmatan lebih baik serta inovatif.

Integrasi AI dalam perniagaan menawarkan pelbagai manfaat kepada usahawan dan peniaga Muslim, antaranya kecekapan dalam pengurusan hal, pemasaran digital lebih tepat, automasi proses perniagaan dan mempromosikan etika perniagaan Islam.

Bagi menghadapi cabaran era digital didominasi teknologi AI, usahawan dan peniaga Muslim perlu

mengambil langkah berikut.

Langkah terbabit adalah pendidikan dan latihan AI, integrasi teknologi AI dalam perniagaan, memahami etika penggunaan AI, kerjasama dengan pakar teknologi dan institusi syariah serta menyedari peluang baharu dalam ekonomi digital.

Dalam hal ini, Islam tidak menolak kemajuan dan inovasi teknologi selagi ia digunakan untuk tujuan baik dan mematuhi ajaran agama. Beberapa dalil daripada al-Quran dan hadis dapat dijadikan panduan untuk memahami bahawa Islam mendorong kemajuan, ilmu pengetahuan dan penggunaan teknologi untuk kebaikan umat manusia.

Surah al-Baqarah, ayat 164 bermaksud: "Sungguhnyanya pada penciptaan langit dan bumi, penggantian malam dan siang, kapal belayar di laut dengan membawa apa yang berguna bagi

manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering) dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan dan tiupan angin serta awan dikendalikan antara langit dan bumi, sungguh (terdapat) tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum berfikir".

Ayat ini menunjukkan Allah SWT mengajak manusia memerhatikan alam dan memanfaatkan penciptaan-Nya seperti kapal dan angin untuk kebaikan.

Ia menunjukkan manusia digalakkan menggunakan teknologi yang memberi manfaat kepada kehidupan.

Malah, Baginda Nabi SAW ada menyatakan: "Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu". (HR Muslim). Hadis ini menunjukkan Rasulullah SAW mengakui kecekapan manusia dalam menguruskan hal duniawi.

Teknologi, sebagai salah satu urusan dunia, dibenarkan selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip syariah, membawa kebaikan dan tidak memudaratkan.

Kesimpulannya, teknologi AI bukan sahaja mengubah cara perniagaan dijalankan, malah ia mencipta peluang baharu untuk meningkatkan kecekapan dan inovasi dalam perniagaan.

Usahawan dan peniaga Muslim perlu bersedia mengintegrasikan teknologi ini secara beretika dan mengikut prinsip syariah bagi memastikan terus relevan dan kompetitif di pasaran global.

Dengan pendidikan betul, latihan dan kerjasama dengan pakar teknologi, usahawan Muslim akan dapat memanfaatkan teknologi AI untuk meningkatkan perniagaan mereka sambil mematuhi etika Islam ditegakkan dalam perniagaan.

